

18 AUG 2001

MAHATHIR-PUSAT

DR MAHATHIR LANCAR PUSAT PERNIAGAAN MALAYSIA DI KAMPALA

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

KAMPALA, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melancarkan Pusat Perniagaan Malaysia petang Sabtu di sini yang akan membuka jalan bagi import Malaysia yang meningkat dan juga menjadi landasan ke pasaran-pasaran Afrika Timur yang lain.

Pusat itu diuruskan oleh Malaysian Business Centre (U) Ltd (MBC), sebuah usaha sama 60:40 antara Masscorp Trading Sdn Bhd dan seorang usahawan Malaysia, Sekaran Vellasamy, yang juga pengarah urusannya.

MBC adalah pejabat seberang laut yang pertama seumpamanya dimiliki oleh Masscorp Trading, anak syarikat Masscorp Bhd, yang sebaliknya adalah sebuah konsortium yang dimiliki oleh pemimpin-pemimpin korporat yang bermatlamat mempertingkatkan perdagangan Selatan-Selatan dan rangkaian pelaburan.

Dalam masa cuma beberapa bulan sejak memulakan operasi Mei lalu, kira-kira lapan kontena barangan bernilai kira-kira AS\$200,000 telah diimport ke Uganda.

MBC kini menggalakkan keluaran-keluaran yang dikeluarkan oleh lebih 200 syarikat Malaysia dan lebih 20 pengeluar seumpamanya telah melantik MBC sebagai agen mereka di Uganda.

Antara produk-produk itu ialah barangan pengguna tahan lama seperti sarung tangan getah, kondom, makanan dan minuman, perkakas elektrik dan keluaran-keluaran isirumah lain.

Barangan itu adalah mempunyai permintaan yang tinggi di Uganda, sebuah negara pertanian dengan ekonomi berorientasikan eksport terutamanya berasaskan kopi, kapas, teh dan tembakau dengan kuasa membeli yang kian meningkat dan asas pengguna seramai 22 juta orang.

Dr Mahathir, yang berada di sini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2001, menyatakan harapan agar lebih banyak pengeksport Malaysia akan menggunakan MBC untuk menembusi pasaran Uganda dan juga Afrika yang lebih besar.

Sekarang, di dalam ucapannya pada pelancaran itu, berkata bahawa aspek pemasaran pusat di Kampala itu adalah hasil pemasaran fizikal dengan bakal-bakal pelanggan dan mencapai persetujuan dengan para pembekal untuk mempermudah eksport kepada aktiviti-aktiviti import.

Katanya MBC terus menerima pertanyaan untuk memasarkan barangan Malaysia di Uganda. -- BERNAMA

MR FR OS